



'UM tiada hak tentukan siapa speaker'

Oleh [Adibah Hani Hasnan dan Nuratikah Athilya](#) - Oktober 14, 2022 @ 6:31pm
bhnews@bh.com.my



Presiden KMUM, Ooi Guo Shen

KUALA LUMPUR: Tindakan pihak Universiti Malaya (UM) menghalang seorang aktivis sosial yang dijemput sebagai speaker forum terbuka berkaitan hak asasi pelajar di Dewan Tunku Canselor (DTC), pagi semalam, dianggap sebagai penindasan autonomi mahasiswa.

Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM), Ooi Guo Shen, berkata wakil Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Wong Yan Ke, dijemput untuk menjadi speaker berikutan Azura Nasron yang juga wakil SUARAM tidak dapat hadir pada saat akhir atas sebab tertentu.

Bagaimanapun, beliau berkata, pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) menyuraikan forum itu yang baru bermula dan mematikan semua mikrofon di dalam dewan yang dihadiri seramai 2,000 pelajar tahun satu.

Katanya, tindakan itu dianggap tidak wajar dilakukan selepas semua tetamu jemputan termasuk tiga ahli panel sudah berada dalam dewan.

"Tujuan utama forum ini untuk meningkatkan kesedaran pelajar baharu mengenai hak asasi mereka.

"Pihak KMUM menjemput beberapa wakil aktivis sosial dan pertubuhan hak asasi manusia sebagai ahli panel bagi forum berkenaan tetapi majlis terpaksa dibatalkan.

"Saya dimaklumkan tindakan menghentikan forum itu serta-merta disebabkan penganjuran majlis itu tidak mengikut prosedur ditetapkan," katanya pada sidang media di sini, petang tadi.

Turut hadir, Presiden Kesatuan Universiti Islam Antarabangsa, Aliff Naif Mohd Fizam.

Guo Shen berkata, pihak KMUM juga diberi amaran akan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak universiti sekiranya meneruskan forum berkenaan.

Katanya, ia susulan jemputan kepada Yan Ke sebagai ahli panel forum itu tidak dimaklumkan kepada pengurusan UM kerana dilakukan pada saat akhir bagi menggantikan seorang ahli panel yang tidak dapat hadir.

"Tindakan mengundang Yan Ke tanpa memaklumkan kepada pengurusan UM dianggap sebagai tidak menghormati universiti. Memang Yan Ke yang juga bekas pelajar UM pernah menimbulkan kekecohan ketika Istiadat Konvokesyen UM kali ke-59 pada 2019, tetapi forum ini tiada kaitan dengan kontroversi itu," katanya.

Aliff Naif pula berkata, sekatan mengadakan forum bagi memberi peluang mahasiswa bersuara bukan saja berlaku di UM tetapi mungkin turut membabitkan universiti awam (UA) dan swasta lain selepas ini.

"Kami berpendapat tidak adil untuk pentadbiran mana-mana universiti berbuat demikian jika isu ingin dibangkitkan dalam forum bertentangan dengan ideologi arus perdana terutama membabitkan kebebasan pelajar bersuara hak berkaitan akademik," katanya.

Sementara itu, pegawai Editorial Perhubungan Media dan Komunikasi Korporat UM ketika dihubungi, memaklumkan kenyataan rasmi berhubung perkara itu akan dikeluarkan selepas ini.